



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

LAPORAN LIPUTAN MEDIA

Jumaat, 4 Februari 2022	
1	Segera muktamad pemberian subsidi penternak ayam -BRO
2	30% putus bekalan
3	Stok ayam, telur kurang sebab permintaan naik
4	Ada diploma, Firdaus ternak kambing
5	Barang terkawal tak mencukupi
6	Cheaper chicken likely soon

DISEDIAKAN OLEH:

**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA**

Segera muktamad pemberian subsidi penternak ayam - BRO

SHAH ALAM - Persatuan Peruncit Bumiputera (BRO) berharap agar kerajaan terus memastikan langkah intervensi atau pemberian subsidi yang saksama kepada penternak-penternak ayam tempatan dapat di-muktamadkan segera.

Presidennya, Datuk Dr Ameer Ali Mydin berkata, ia adalah bagi memastikan penternak ayam tempatan kekal berdaya saing antara satu sama lain.

Beliau berkata demikian susulan penetapan harga maksimum runcit bagi ayam standard yang dikurangkan sebanyak 20 sen menjadikan harga siling ayam pada RM8.90.

"Kesungguhan yang ditunjukkan oleh Kerajaan Keluarga Malaysia pimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob ini jelas menyatakan keseriusan beliau menangani isu kenaikan harga barangan yang sedang berlaku di peringkat global.

"Pihak persatuan menyatakan komitmen dan usaha memastikan aspirasi kerajaan bagi kawalan harga barangan dapat dicapai.



BRO harap kerajaan segera muktamad pemberian subsidi penternak ayam.



AMEER ALI

Justeru itu, rakyat dan peniaga akan dapat manfaat seiring dengan keputusan yang telah dibuat tersebut," katanya dalam satu kenyataan pada Khamis.

Pada 31 Januari lalu, kerajaan menetapkan harga maksimum runcit bagi ayam standard ialah RM8.90 sekilogram, iaitu pengurangan 20 sen daripada harga siling semasa RM9.10.

Ismail Sabri berkata, harga telur ayam semua gred pula kekal seperti harga kawalan Skim Harga Maksimum Keluarga Malaysia (SHMKM) semasa.


Di bawah SHMKM, harga runcit sebiji telur ayam di

Semenanjung ialah 44 sen (Gred A), 42 sen (Gred B) dan 40 sen (Gred C) manakala harga di Sabah, Sarawak dan Labuan adalah bergantung kepada kawasan.

Ameer Ali memaklumkan BRO menyambut baik keputusan Mesyuarat Khas Majlis Tindakan Khas Sara Hidup Negara (NACCOL) pada 31 Januari lepas yang menyelesaikan isu bekalan serta pengeluaran makanan terutama ayam dan telur ayam.

Jelasnya, pihak persatuan juga turut menzahirkan ucapan penghargaan di atas keputusan kerajaan yang membuka permit import ayam kepada semua pemegang Permit Kelulusan (AP) dan juga pembukaannya kepada pengusaha-pengusaha pasar raya besar.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4.2.2022	HARIAN METRO	LOKAL	23



KPDNHEP memberi amaran tegas kepada peniaga supaya tidak mengambil kesempatan menaikkan harga telur pada waktu krisis.

30% putus bekalan

Masalah bekalan telur dijangka pulih dalam masa terdekat

Bernama

Kuala Terengganu

Masalah kekurangan bekalan telur di negeri ini yang berlarutan lebih sebulan dijangka pulih dalam masa terdekat.

Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Terengganu, Saharuddin Mohd Kia berkata, pihaknya menjalankan pemantauan di 26 pasar raya utama di seluruh negeri susulan aduan daripada orang ramai dan laporan di media massa.

Bagaimanapun, katanya, pihaknya mendapati hanya 30 peratus daripada premis berkenaan yang terputus bekalan telur manakala selebihnya masih membekalkan stok itu kepada peng-



Pasar raya yang terputus bekalan sudah pun membuat tempahan dengan pemborong dan edaran akan dilakukan dalam masa terdekat

Saharuddin Mohd Kia

guna seperti biasa.

"Pasar raya yang terputus bekalan sudah pun membuat tempahan dengan pemborong dan edaran akan dilakukan dalam masa terdekat.

"Jadi saya minta orang ramai supaya tidak panik dan melakukan pembelian dalam kuantiti luar biasa kerana ia akan menyebabkan masalah sama berulang."



katanya dalam kenyataan, semalam.

Menurut Saharuddin, masalah kekurangan bekalan yang berlaku sejak kebelakangan ini adalah disebabkan perubahan cuaca dan kenaikan kos makanan ayam telur serta upah buruh yang mendadak.

Katanya, pada November tahun lalu, anggaran bekalan telur yang diagihkan ke

pasaran ialah 900,000 biji, tetapi mencatat penurunan sekali ganda iaitu 450,000 biji pada Disember tahun lalu.

Pada masa sama, beliau turut memberi amaran tegas kepada peniaga supaya tidak mengambil kesempatan dengan menaikkan harga telur sesuka hati pada waktu krisis.

"Peniaga yang menaikkan harga telur dengan alasan kekurangan bekalan boleh dikenakan tindakan mengikut Seksyen 14(1), Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 yang jika sabit kesalahan, syarikat boleh dikenakan denda sehingga RM500,000.

"Bagi individu pula, denda sehingga RM100,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya sekali," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4.2.2022	HARIAN METRO	LOKAL	23

Stok ayam, telur kurang sebab permintaan naik

Kangar: Kekurangan ayam mentah, telur ayam dan minyak masak peket dalam pasaran disebabkan oleh permintaan mendadak khususnya sempena Tahun Baharu Cina.

Pengarah Penguat Kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Putrajaya, Azman Adam berkata, menjelang Tahun Baharu Cina, banyak sektor perniagaan terutama sektor peruncitan dibuka menyebabkan berlaku permintaan mendadak terhadap barangan berkenaan.

"Perkara itu menyebabkan ada pembekal gagal membekalkan barangan seperti ditempah peniaga pada waktu ditetapkan.

"Manakala peniaga pula terpaksa menghabiskan bekalan yang ada atau mengehadkan pembelian sesuatu barangan berdasarkan jumlah bekalan mereka," katanya, semalam.

Beliau ditemui selepas mengadakan *walkabout* Pelaksanaan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (Tahun Baharu Cina) di sebuah pasar raya di sini.

Azman meluangkan masa 20 minit bersama Pen-

garah KPDNHEP Negeri Perlis, Norazah Jaapar bagi meninjau dan meneliti bekalan selain harga barangan kawalan di pasar raya itu.

Menurut beliau, kesesakan trafik luar biasa di lebuhraya sebelum dan selepas perayaan itu juga menyebabkan bekalan berkenaan lambat tiba di kedai atau pasar raya yang ditetapkan.

"Ramai balik kampung, adakan kenduri, jamuan dan sebagainya. Ketiadaan pembekal yang turut ber-cuti ketika ini menyebabkan barangan itu laris malah permintaannya turut meningkat.

"Malah, daripada segi bekalan telur ayam, kita bersama-sama Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (Mafi) sedang berurusan dengan pembekal telur ayam untuk melihat keadaan ini.

"Ini kerana ada daerah tertentu di Kelantan dan Terengganu yang turut mengalami kekurangan bekalan telur ayam," katanya.

Menurut beliau, pihaknya memberi jaminan masalah pembekalan berkenaan dapat diselesaikan dalam masa terdekat.



AZMAN (Idri) bersama Norazah memeriksa bekalan ayam mentah dan minyak masak di sebuah pasar raya di Kangar. - Gambar NSTP/AIZAT SHARIF

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4.2.2022	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	31

Ada diploma, Firdaus ternak kambing

Oleh MASTURAH SURADI

KOTA TINGGI: Seorang graduan diploma kejuruteraan komputer yang tinggal di Felda Lok Heng Barat, di sini memilih untuk menjadi penternak kambing selepas pulang ke kampung untuk menjaga orang tuanya sejak 10 tahun lalu.

Muhammad Firdaus Marju, 37, menggunakan wang simpanannya untuk mula memelihara beberapa ekor kambing dan membina kandang di tanah rizab milik Felda dengan kos yang menelan belanja lebih RM30,000.

"Sekarang saya ada lebih 100 ekor kambing. Kambing ini banyak dijual untuk mereka yang mahu buat majlis akikah. Jika diikutkan harga sekarang semakin mahal, seekor bermula RM900 ke atas.

"Ini kerana faktor harga



MUHAMMAD Firdaus Marju bersama ternakannya di Felda Lok Heng Barat, Kota Tinggi di Johor. - UTUSAN/MASTURAH SURADI

dedak yang naik lebih-lebih lagi selepas Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)," katanya ketika ditemui Utusan Malaysia

Muhammad Firdaus berkata, ia juga merupakan minatnya kerana sejak kecil kerana sudah terbiasa dengan ternakan kambing arwah datuknya sebelum ini.

Malah, sebagai Pengerusi Majlis Belia Felda Malaysia (MBFM) Felda Lok Heng Barat, kerjaya tersebut membantunya bergerak sebagai ketua untuk mengikut aktiviti dan program dianjurkan.

Dia yang memang tidak gemar bekerja di bawah seliaan orang juga pernah menceburi bidang pertanian sebelum memberi fokus sepenuhnya pada ternakan kambing.

"Sebelum ini projek ternakan kambing ini saya hanya buat sebagai sampingan sahaja namun mulai tumpu sepenuhnya sejak PKP. Bahkan sejak itu kita lihat minat belia untuk ternak kambing juga semakin tinggi. Ada yang hilang kerja kemudian ternak kambing sebagai pendapa-

tan baharu.

"Saya juga ada seorang rakan yang membantu sekiranya terlibat menghadiri program atau aktiviti sebagai pengerusi belia. Ternak kambing tidak sama seperti lembu (kerana) haiwan ini perlukan sepenuh masa penjagaan dari segi pemakanan, kesihatannya perlu sentiasa dipantau dan kena bercakap dengannya hari-hari," katanya.

Sementara itu, Muhammad Firdaus turut melalui pengalaman yang tidak dapat dilupakan sepanjang memelihara kambing apabila kira-kira 20 ekor haiwan ternakannya itu mati akibat ter- makan racun tikus.

"Masa itu memang sangat kecewa tapi rakan pesan itu antara cabaran apabila memelihara pastilah berdepan dengan kematian haiwan. Jadi saya cepat-cepat bangkit semula meneruskan ternakan yang ketika itu berbaki kira-kira 40 ekor," ujarnya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4.2.2022	BERITA HARIAN	NASIONAL	8

Barangan terkawal tak mencukupi

Kangar: Permintaan mendadak sempena Tahun Baharu Cina mengakibatkan barang terkawal seperti ayam, telur ayam dan minyak masak tidak mencukupi dalam pasaran.

Pengarah Penguat Kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Putrajaya, Azman Adam, berkata pihaknya menyedari kekurangan bekalan beberapa barang, termasuk tiga produk berkenaan pada musim perayaan ini.

"Kita mendapati apabila Tahun Baharu Cina menjelang, banyak sektor perniagaan terutama sektor peruncitan dibuka, menyebabkan berlaku permintaan mendadak terhadap barang berkenaan.

"Ini menyebabkan ada pembekal gagal membekalkan barang berkenaan seperti diminta peniaga pada masa ditetapkan dan peniaga terpaksa menghabiskan bekalan yang ada atau menahkutkan pembelian sesuatu ba-



Azman (kiri) bersama Norazah memeriksa bekalan ayam mentah dan minyak masak di sebuah pasar raya di Kangar, semalam. (Foto Aizat Sharif/BH)

barang mengikut jumlah bekalan yang dimiliki mereka," katanya selepas mengadakan *walkabout* Pelaksanaan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (Tahun Baharu Cina) di sini, semalam.

Hadir sama Pengarah KPDNHEP Perlis, Norazah Jaapar. Azman berkata, permintaan

barang meningkat, manakala bekalan terhad kerana orang ramai pulang ke kampung, mengadakan kenduri atau jamuan dan pembekal bercuti.

"Dari segi bekalan telur ayam juga, kita bersama Kementerian Pertanian dan Industri Makanan sedang berurusan dengan pihak

pembekal telur ayam untuk melihat keadaan ini kerana di se- setengah daerah di Kelantan dan Terengganu, kita ada terima aduan kekurangan bekalan telur ayam.

"Kami memberi jaminan masalah pembekalan ini dapat diselesaikan dalam masa terdekat," katanya.

Sementara itu, menerusi pelaksanaan Skim Harga Maksimum Keluarga Malaysia (SHMKM) dan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) Tahun Baharu Cina 2022 bermula 1 Januari hingga esok, sebanyak 18 jenis barang membabitkan hasil laut, barang kering serta daging babi diletakkan mengikut harga kawalan.

"Sebanyak 6,066 premis diperiksa dan daripada jumlah itu, 11 peniaga diambil tindakan kerana dikesan melakukan kesalahan iaitu gagal menggunakan tanda harga khas ke atas barang terkawal mengikut SHMMP Tahun Baharu Cina 2022," katanya.

Cheaper chicken likely soon

Happy news for consumers, but poultry farmers cry foul

By GERARD GIMINO
and ILI AQILAH
newsdesk@thestar.com.my

PETALING JAYA: Expect chicken prices to fall further now that the government has opened up the approved permits (AP) for hypermarkets to import the birds.

Retail chains have welcomed the government's decision and promised to lower prices, although consumer groups say this can only be a temporary measure to address the rising price of chicken.

Mydin Mohamed Holdings Bhd (Mydin) managing director Datuk Ameer Ali Mydin said the decision to open up permits for chicken imports to all AP holders and hypermarket operators would see chicken prices reduced.

"If our AP is approved, we believe we can sell dressed chicken at 50 sen cheaper than the ceiling price of RM8.90," he said.

"We submitted our AP application yesterday and hope it will be quickly approved so that we can have sufficient supplies for Hari Raya."

Hari Raya Aidilfitri falls on May 3 this year.

Ameer said although the approval of APs was a step in the right direction, measures should be taken to source for potential supplies in countries other than China and Thailand.

"The Department of Islamic Development (Jakim) should also go to the ground and check more abattoirs to source for potential supply options."

"A temporary measure would be to approve abattoirs that are already utilised by countries such as Saudi Arabia to tackle the current market demands," said Ameer.

He added that with more parties holding APs, profiteering activities could be stopped as there would be ample supply.

The government had on Jan 31 decided to open the permits for chicken imports to all AP holders,



Affordable again: Chicken prices are set to fall further after the government opened up the APs for hypermarkets to import the birds. — IZZRAFIQ ALIAS/The Star

besides opening up the AP to hypermarket operators to resolve the food supply issue, especially for chicken and eggs.

Consumers Association of Penang (CAP) president Mohideen Abdul Kader, while welcoming the decision, said it was only a stop-gap measure, adding that strengthening sustainable local production was the best approach.

"We urge the government to seriously look at producing livestock within the country to avoid imports which can prove to be costly."

"The authorities should reduce instances of profiteering," he said.

He also agreed with efforts by the Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry through the Malaysian Competition Commission (MyCC) to continuously study and conduct investigations to ensure that there were no price cartels or

manipulation by middlemen.

Meanwhile, Federation of Malaysian Consumers Associations (Fomca) president Datuk N. Marimuthu called for APs to be abolished rather than setting a ceiling price for chicken.

He said certain parties had turned the APs into monopolies, resulting in increasing food prices.

"It is pointless to have limited permits for vegetables, including mangoes, coconuts, papayas, meat and nine types of seafood, because it gives room for 'certain quarters' to determine the prices of food."

"The right thing to do is to get rid of APs as a whole," he said.

The Federation of Livestock Farmers' Associations of Malaysia was tight-lipped on the issue.

However, the Manjung Poultry Farmers Association in Ipoh, representing over 200 poultry farms in

the area, felt the decision to open up the APs would only lead to more businesses shutting down soon.

The association said it would send a letter to relevant ministers to discuss the imposed price cap for chicken and eggs.

"As poultry suppliers, we will no longer make profit and I can assure you that at least half the poultry farms in Manjung will close down."

"The government is focused on helping consumers but they forget about suppliers like us. They should at least subsidise the chicken feed," said the association's president Tan Woi Perng.

On Jan 31, Domestic Trade and Consumer Affairs Minister Datuk Seri Alexander Nanta Linggi said the government had lowered the maximum retail price for standard chicken from RM9.10 to RM8.90 effective this Saturday until June 5.